

Keratan Artikel dari Majalah Potensi

Written by Al Khawarizmi

Tuesday, 31 August 2010 01:25 - Last Updated Tuesday, 07 February 2017 00:56



Artikel ini diambil dari keratan Majalah Potensi Edisi 20

P

USAHAWAN POTENSI

Cerita bermula pada penghujung 2005 apabila tidak semena-mena En.Ruzlan telah jatuh sakit secara tiba-tiba di rumahnya tanpa sebarang sebab. Beliau telah dikejarkan ke hospital Selayang oleh ahli keluarganya. Beliau telah disahkan mengidap sejenis penyakit saraf otak yang dipanggil 'Seizure - Tonic Clonic' dimana mekanisma fizikal separuh anggota badan menjadi kejang dan gagal dikawal. "Dunia terasa gelap gelita tanpa arah dan episod sukar dalam hidup bakal tiba", ujar bapa kepada 2 cahaya mata ini. Memang benar, tidak lama selepas itu Encik Ruzlan telah disingkirkan dari bekerja di sebuah firma arkitek di Kuala Lumpur. Tekanan kerja pula begitu mendesak dalam mengejar 'dead-line' bagi sesebuah projek yang mungkin punca pencetus kepada penyakit misteri tersebut.

Hampir setahun beliau hanya tinggal dirumah tanpa melakukan sebarang pekerjaan mengakibatkan beliau kehilangan pendapatan yang amat ketara. Bagaimanapun beliau cuba meyakini dan menganggap bahawa musibah ini sebagai suatu dugaan dari Allah yang pasti ada rahmatnya. Alhamdulillah, penyakit seizure yang dihidapinya mula reda pada hujung 2007 dan keyakinan diri mula datang. Kembali semula bekerja sebagai perekabentuk, walaupun kebimbangan masih ada takut-takut bencana pahit seizure datang semula. Langkah pertama dalam bisnes adalah melibatkan diri dalam perniagaan perkhidmatan telekomunikasi. Dengan pelaburan modal permulaan iaitu sebanyak RM 10 ribu. Malangnya kerana kurang pengalaman, pengetahuan dan strategi, perniagaan beliau hanya dapat bertahan 6 bulan sahaja. Jatuh kali pertama memang memeritkan dan mengundang 'dendam' untuk bangun semula.

Entah dari mana tiba-tiba muncul ilham untuk memulakan perniagaan e-dagang beliau yang pertama iaitu mengedarkan susu kolostrum Alphalipid. Hanya bermodalkan sisa baki RM500 serta berbekalkan pengalaman dalam bidang rekabentuk dan ICT selama 15 tahun, maka terhasil portal dagang pertama beliau iaitu www.susu.my. Perniagaan secara 'on-line' sememangnya menghasilkan keuntungan lumayan. Rangkaian ahli pengedar di bawah rangkaianannya mula tumbuh disetiap negeri. Kini baru beliau memahami bahawa



En. Ruzlan kini berada di ambang kejayaan

olusi dalam hidup iaitu: **PERNIAGAAN.**

Egangan berpuas hati, beliau terus merancang untuk membina satu lagi portal perniagaan yang mengkhususkan pada jualan produk runcit pula. Pada hujung 2009 portal niaga www.1kedai.com dilancarkan dengan mengkhususkan peralatan gajet spy berteknologi tinggi yang diimport khas dari Negara China. Setelah meneliti potensi pasaran di Malaysia, beliau membuat kesimpulan bahawa gajet-gajet spy ala James Bond yang unik ini memang berpotensi dijual dalam pasaran terbuka di Malaysia, hampir tiada pesaing dan tambahan pula permintaan serta per-

melalui promosi tanpa henti sama melalui pengiklanan di akhbar internet atau membuat pertukaran pautan antara beberapa laman web popular yang lain seperti Tranungkite.net, MalaysiaSensasi.blogspot.com, dan Malaysiakini.com.

Laman tersebut kini mula memperkerakan lebih dari 18 gajet canggih berteknologi tinggi untuk pasaran Malaysia dengan harga antara serendah RM100 hingga RM800 yang pasti mampu dimiliki. Antara gajet-gajet yang mula dipasarkan ialah pen pintar yang mampu merakam gambar dan video secara rahsia, alat pengintipan perbualan dari jarak jauh dan jam tangan yang berfungsi sebagai handphone dengan kamera tersembunyi. Juga terdapat kamera pengawas kawalan internet wi-fi yang membolehkan anda mengawasi rumah dan prestasi dari telefon 3G anda hinggalah kepada 'jammer' yang dapat menghalang hubungan telefon dan GPS bagi kegunaan seminar serta kuliah, dewan majlis dan sebagainya.

En.Ruzlan berpendapat, peluang pasaran produk unik ini harus dikongsi bersama dengan individu yang berminat. Sesebuah perniagaan tidak boleh berseorangan dan harus melibatkan ramai 'pemain' dan banyak tenaga terlibat. Beliau yakin gajet-gajet unik

Keratan Artikel dari Majalah Potensi

Written by Al Khawarizmi

Tuesday, 31 August 2010 01:25 - Last Updated Tuesday, 07 February 2017 00:56
